

OLEH: MAHMOOD HASSAN

**U.M. 31 MAY 1971**  
**A** LOR SETAR 30 Mei Banyak perubahan yang memerangsangkan dalam puchok pimpinan UMNO Malaysia sekarang ini, demikian menurut Dr. Mahathir Mohamad sa-orang tokoh UMNO yang telah di-pechat dari parti itu.

Bellau tidak menolak kemungkinan akan masuk semula UMNO "tetapi saya tidak akan merangkak atau masuk dengan bersyarat".

"Jika tenaga saya dikehendaki dan saya dapat bukti yang cukup mengenai-nya, saya akan kembali kepada UMNO," jelas-nya dalam pertemuan dengan Utusan Malaysia, di-kliniknya, di-sini baru2 ini.

Dr. Mahathir mengesahkan bahawa Ketua Pemuda UMNO Malaysia, Dato' Haji Harun Idris telah menemui-nya tatkala Ketua Pemuda itu berada di-Kedah untuk kempen pilihan-raya Yen-Merbok, baru2 ini.

Bellau bagaimana pun enggan menerangkan perbincangan-nya dengan Dato' Harun.

Bekas tokoh UMNO itu yang telah menggemparkan pemerhati2 politik dengan kemunculan-nya di-rapat umum PAS di-Kapar, Selangor, tidak lama dahulu, telah muncul dalam rapat umum Perikatan di-Yen pada 19 Mei lalu.

"Saya hadir, tetapi tidak berucap dalam rapat itu, sa-mata2 untuk membuktikan yang saya maseh berkechual' dan bukan menyokong PAS," jelas-nya.

Bellau kemudian menerangkan bahawa bellau maseh berkechuali dalam politik 'tetapi pengechualian itu terhad pada UMNO dan PAS'.

Menurut-nya lagi, kalau salah satu parti itu menjemput-nva untuk berche-

**LIHAT MUKA 12**  
(Ruangan 3)

ramah atau sa-bagai-nya 'saya sanggup menerima jemputan itu'.

"Tetapi saya tidak akan menerima sa-barang jemputan dari Parti Gerakan Rakyat Malaysia atau DAP," tegas-nya.

Di-minta mengulas mengenai perkembangan dalam UMNO Malaysia sekarang, Dr. Mahathir berkata:

"Apa yang saya nampak ialah banyak perubahan yang memerangsangkan dalam puchok pimpinan UMNO Malaysia sekarang."

Sa-balek itu, tambah-nya, maseh ada perkara2 yang berlaku dalam UMNO yang bertentangan dengan pendapat dan kehuan-nya.

Dr. Mahathir kemudian menyatakan bahawa bellau sekarang sedang mengkaji dengan mendalam mengenai perjalanan politik UMNO dan PAS.

Bellau enggan mengulas lebeh lanjut mengenai perkara itu.